



**PENGARUH RASA BERSALAH TERHADAP PENCEGAHAN RASUAH  
DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM: SUATU TINJAUAN  
BERTERASKAN MALAYSIA MADANI**

***THE INFLUENCE OF GUILT ON CORRUPTION PREVENTION AMONG PUBLIC  
SERVANTS: A SURVEY BASED ON MALAYSIA MADANI***

Rezki Perdani Sawai<sup>a</sup>, Norsimah Dasan<sup>b</sup>, Sharon Kwan Sam Mee<sup>a</sup>, Nurul Hudani Md. Nawi<sup>a</sup>, &  
Ibrahim Fahad Sulaiman<sup>a</sup>

<sup>a, e</sup> Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>b</sup>Univeristi Malaysia Sabah

(Corresponding email) [rezki@usim.edu.my](mailto:rezki@usim.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol33no1.726>

Submission date: 07/04/2026

| Accepted date: 24/04/2026

| Published date: 31/05/2026

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan pengaruh faktor psikologi, iaitu rasa bersalah, terhadap pencegahan rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas, data dikumpul daripada 196 responden melalui borang soal selidik. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap rasa bersalah yang tinggi (Min=4.34) dan tahap pencegahan rasuah yang tinggi (Min=3.44). Analisis regresi linear mudah mendedahkan bahawa model regresi adalah signifikan,  $F(1, 194) = 8.04, p < .001$ , dengan nilai  $R^2 = .080$ , menunjukkan bahawa rasa bersalah menerangkan 8% varians dalam tingkah laku pencegahan rasuah. Dapatan ini menekankan kepentingan pembangunan moral dalam kalangan penjawat awam dan mencadangkan bahawa strategi pencegahan rasuah boleh diperkukuh melalui latihan, program kesedaran etika, dan pembangunan nilai integriti individu. Kajian ini memberikan asas empirikal bagi strategi pencegahan rasuah yang menyepadukan pembangunan psikologi individu dengan pengukuhan sistem organisasi, sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani.

**Kata kunci:** rasa bersalah, rasuah, penjawat awam, Malaysia Madani.

### Abstract

This study aims to identify the level and influence of a psychological factor, namely guilt, on corruption prevention among public servants in Malaysia. Using a cross-sectional survey design, data were collected from 196 respondents through a self-administered questionnaire. Descriptive analysis revealed that respondents exhibited a high level of guilt (Mean = 4.34) and a high level of corruption prevention behavior (Mean = 3.44). Simple linear regression analysis indicated that the regression model was significant,  $F(1, 194) = 8.04, p < .001$ , with an  $R^2$  value of .080, suggesting that guilt accounted for 8% of the variance in corruption prevention behavior. These findings underscore the importance of moral development among public servants and suggest that corruption prevention strategies can be enhanced through ethics training, awareness programs, and



the cultivation of personal integrity. The study provides empirical evidence to support integrated strategies for corruption prevention that combine individual psychological development with organizational system reinforcement, in line with the aspirations of *Malaysia Madani*.

**Keywords:** guilt, corruption, civil servants, Malaysia Madani

## PENDAHULUAN

Gejala rasuah kekal sebagai cabaran utama kepada sistem tadbir urus yang berintegriti dan berkesan di sektor awam, bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia (Transparency International, 2023). Gejala ini menghakis kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan, melemahkan ekonomi, dan menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam (Aidt, 2003; Mauro, 1995). Meskipun pelbagai inisiatif telah dijalankan termasuk tindakan undang-undang dan penglibatan institusi pencegahan rasuah, terutama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), permasalahan ini terus berakar umbi disebabkan oleh kelemahan kawalan dalaman dan konflik nilai individu (Zahari et al., 2021).

Sehubungan itu, pendekatan pencegahan rasuah perlu merangkumi bukan sahaja aspek luaran seperti penguatkuasaan undang-undang dan penggubalan dasar, tetapi juga pendekatan dalaman yang menekankan pembentukan nilai, kesedaran moral, dan keberanian tingkah laku etika. Agenda Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia memberi penekanan terhadap prinsip integriti, akauntabiliti, dan nilai kemanusiaan dalam pembentukan masyarakat yang berdaya tahan terhadap gejala rasuah (Jabatan Perdana Menteri, 2023).

Dalam konteks psikologi sosial, salah satu konstruk penting yang berpotensi sebagai pelindung dalaman untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam rasuah adalah rasa bersalah. Rasa bersalah bertindak sebagai mekanisme kawalan sendiri apabila individu menyedari perbuatan mereka bertentangan dengan prinsip moral dan norma sosial (Tangney et al., 2007).

Konsep Malaysia Madani menekankan pembangunan masyarakat berteraskan nilai seperti integriti, ihsan, keadilan dan tanggungjawab. Pendekatan ini selari dengan keperluan untuk memperkukuh dimensi dalaman individu dalam usaha membanteras rasuah.

## SOROTAN LITERATUR

Rasa bersalah (*guilt*) merupakan emosi moral yang penting dalam mengawal tingkah laku individu, khususnya dalam konteks pematuhan terhadap norma sosial dan etika. Menurut Tangney et al. (2007), rasa bersalah merujuk kepada emosi negatif yang timbul apabila individu menilai bahawa sesuatu tindakan yang dilakukan adalah salah atau melanggar standard moral. Emosi ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman yang mendorong individu untuk memperbaiki kesalahan dan mengelakkan pengulangan tingkah laku tidak bermoral.

Dalam kerangka teori perkembangan moral oleh Lawrence Kohlberg (1984), rasa bersalah dilihat sebagai hasil daripada internalisasi nilai moral yang berkembang melalui peringkat kognitif tertentu. Individu yang mencapai tahap moral yang lebih tinggi cenderung untuk mengalami rasa bersalah apabila melanggar prinsip etika, sekaligus mengurangkan kecenderungan untuk terlibat dalam salah laku.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa individu dengan tahap rasa bersalah yang tinggi lebih cenderung menunjukkan tingkah laku prososial dan kurang terlibat dalam salah laku organisasi (Cohen et al., 2012). Selain itu, rasa bersalah juga dikaitkan dengan peningkatan tahap empati dan tanggungjawab sosial, yang seterusnya memperkukuh integriti individu dalam membuat keputusan etika (Tangney et al., 2007)

Walau bagaimanapun, keberkesanan rasa bersalah sebagai mekanisme pencegahan bergantung kepada konteks sosial dan budaya organisasi. Dalam persekitaran kerja yang menormalisasikan rasuah, individu mungkin mengalami pengurangan sensitiviti terhadap guilt, sekali gus melemahkan fungsi kawalan dalaman tersebut (Ashforth & Anand, 2003). Oleh itu, interaksi antara faktor individu dan persekitaran organisasi perlu diberi perhatian dalam memahami peranan guilt dalam pencegahan rasuah.

Dalam konteks Malaysia Madani, rasa bersalah boleh dilihat sebagai elemen penting yang menyokong pembentukan nilai MADANI dalam kalangan penjawat awam. Internalisasi nilai moral melalui emosi seperti rasa bersalah berpotensi meningkatkan kebertanggungjawaban individu dan mengurangkan kebergantungan kepada mekanisme kawalan luaran semata-mata. Namun demikian, kebanyakan kajian berkaitan rasuah di Malaysia masih tertumpu kepada aspek struktur dan polisi, seperti penguatkuasaan undang-undang dan reformasi institusi (Noor et al., 2018). Kajian yang mengintegrasikan elemen psikologi moral dengan kerangka nilai seperti Malaysia Madani masih terhad.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji peranan elemen psikologi dalaman sebagai benteng pertahanan terhadap penyelewengan di sektor awam. Untuk itu, kajian ini memfokuskan kepada pencapaian dua objektif utama. Objektif yang pertama adalah bertujuan untuk menentukan tahap kesedaran pencegahan rasuah dan tahap rasa bersalah, dalam kalangan penjawat awam. Setelah tahap setiap konstruk ini dikenal pasti, kajian ini diluaskan lagi melalui objektif kedua iaitu untuk mengenal pasti bentuk dan kekuatan pengaruh rasa bersalah terhadap kecenderungan pencegahan penglibatan rasuah. Pemahaman terhadap kedua-dua objektif ini diharap dapat memberikan gambaran empirikal yang lebih jelas mengenai keupayaan nilai psikologi dalam menyokong integriti penjawat awam.

### **METODOLOGI**

#### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*) yang membolehkan pengumpulan data dilakukan dalam satu masa tertentu. Reka bentuk tinjauan ini dipilih kerana ia berkesan untuk menilai persepsi, sikap dan konstruk psikologi dalam populasi sasaran secara menyeluruh dan sistematik (Creswell & Creswell, 2018). Pengumpulan data dilaksanakan melalui edaran borang soal selidik yang menggunakan ukuran skala Likert 5-mata (daripada 1 = Sangat Tidak Setuju kepada 5 = Sangat Setuju). Instrumen kajian dibahagikan kepada empat bahagian utama: Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Pencegahan Rasuah; 36 item), dan Bahagian C (Rasa Bersalah; 8 item).

#### ***Responden Kajian***

Populasi sasaran bagi kajian ini terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di Malaysia. Melalui teknik persampelan mudah (*convenience sampling*), seramai 196 orang responden telah bersetuju untuk mengambil bahagian. Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui Bahagian A dalam soal selidik, profil responden merangkumi kepelbagaian umur, tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam, jantina, status perkahwinan, agama, bangsa,

serta pendapatan (gaji kasar dan bersih). Selain itu, responden juga terdiri daripada pelbagai latar belakang tahap pendidikan yang bermula daripada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga ke peringkat pascasiswazah, serta mewakili pelbagai kategori gred perjawatan dari Kumpulan Pelaksana hingga ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kepelbagaian ini amat penting bagi memastikan data yang diperoleh mewakili variasi demografi utama dalam populasi penjawat awam secara lebih menyeluruh.

Dari segi kesesuaian data, saiz sampel seramai 196 orang adalah mencukupi dan menepati keperluan prosedur Analisis Regresi Linear Berganda. Berdasarkan formula ukuran saiz sampel  $N \geq 50 + 8m$  yang disyorkan oleh Tabachnick dan Fidell (2013), di mana  $m$  mewakili bilangan pembolehubah bebas, kajian yang mempunyai dua pembolehubah bebas ( $m=1$ ) hanya memerlukan saiz sampel minimum seramai 58 orang. Oleh itu, jumlah 196 pemerhatian ini jauh melepasi syarat minimum tersebut, sekali gus menjamin kuasa statistik (*statistical power*) yang tinggi bagi mengesan kesan hubungan antara pembolehubah dengan lebih tepat dan jitu.

### ***Instrumen Kajian***

Tahap kesedaran rasuah dalam kajian ini diukur menggunakan instrumen yang mengadaptasi Corruption Perception Scale (CPS) yang dibangunkan oleh Transparency International (1995). Instrumen ini bertujuan menilai tahap kesedaran pencegahan rasuah dan mengandungi 35 item. Manakala, rasa bersalah diukur menggunakan instrumen yang mengadaptasi *Guilt and Shame Proneness Scale* (GASP) yang dibangunkan oleh Cohen, Wolf, Panter, & Insko (2011). Instrumen ini terdiri daripada 30 item dan direka untuk menilai kecenderungan individu mengalami rasa bersalah dalam pelbagai situasi pelanggaran peribadi dan sosial. Kedua-dua instrumen menggunakan skala Likert 5 mata, dari 1 = *tidak bersetuju langsung* hingga 5 = *sangat bersetuju*, bagi membolehkan responden memberikan penilaian terhadap setiap item secara kuantitatif. Kaedah pengukuran ini membolehkan penilaian tahap kesedaran rasuah dan kecenderungan rasa bersalah secara objektif dan sistematik.

Analisis kebolehpercayaan instrumen menggunakan pekali Alpha Cronbach menunjukkan bahawa konstruk kesedaran terhadap pencegahan rasuah yang diukur melalui 36 item memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu  $\alpha = 0.821$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item yang digunakan mempunyai tahap konsistensi dalaman yang baik dan sesuai digunakan bagi mengukur konstruk tersebut. Selain itu, konstruk rasa bersalah yang diukur melalui 8 item turut mencatatkan nilai Alpha Cronbach yang tinggi, iaitu  $\alpha=0.826$ , sekali gus menggambarkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kestabilan dan ketekalan dalaman yang memuaskan.

Menurut Cronbach (1951), nilai Alpha Cronbach digunakan bagi menilai tahap konsistensi dalaman sesuatu instrumen pengukuran. Tambahan pula, Hair et al. (2019) menjelaskan bahawa nilai alpha melebihi 0.70 adalah boleh diterima dan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik, manakala nilai melebihi 0.80 mencerminkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, kedua-dua konstruk dalam kajian ini dapat dianggap mempunyai tahap kebolehpercayaan yang memuaskan.

### ***Analisis Kajian***

Data mentah yang diperoleh disemak, diproses, dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 30. Seterusnya, data dianalisis menggunakan dua kaedah statistik utama. Bagi menjawab objektif pertama iaitu menentukan tahap kesedaran pencegahan rasuah, dan rasa bersalah, analisis statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan sisihan piawai telah digunakan. Interpretasi skor min dibahagikan kepada dua tahap utama iaitu tinggi dan rendah berdasarkan penentuan titik tengah skala Likert, iaitu tahap rendah (min 1.00 hingga 3.00) dan tahap tinggi (min 3.01 hingga 5.00).

Di samping itu, bagi menjawab objektif kedua dan menguji hipotesis kajian, statistik inferensi iaitu Analisis Regresi Linear telah diaplikasikan (Hair et al., 2010). Analisis ini bertujuan untuk menilai sumbangan dan pengaruh pembolehubah peramal iaitu rasa bersalah terhadap pembolehubah bersandar iaitu pencegahan rasuah. Sebelum ujian regresi dimulakan, kesemua andaian asas statistik telah disemak dan dipatuhi, termasuklah pengesanan taburan data yang normal serta ketiadaan isu multikolineariti yang melampau di antara pembolehubah bebas, di mana nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) mencatatkan bacaan di bawah paras 5.0 (Hair et al., 2010;

Tabachnick & Fidell, 2013).

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Tahap Kesedaran Pencegahan Rasuah, dan Rasa Bersalah.

Bagi menjawab objektif pertama kajian, analisis statistik deskriptif yang merangkumi pengiraan nilai min dan sisihan piawai telah dijalankan. Tahap bagi setiap pembolehubah diklasifikasikan kepada dua kategori utama berdasarkan titik tengah skala Likert, iaitu tahap rendah (min 1.00 hingga 3.00) dan tahap tinggi (min 3.01 hingga 5.00). Keputusan analisis diringkaskan di dalam Jadual 2.

**Jadual 2 Tahap Pembolehubah Kajian (N = 196)**

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Pencegahan Rasuah	3.44	0.36	Tinggi
Rasa Bersalah	4.34	0.71	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penjawat awam mempunyai tahap kesedaran pencegahan rasuah yang memuaskan (Min = 3.44, SP = 0.36) serta tahap rasa bersalah yang sangat tinggi (Min=4.34, SP=0.71). Secara umumnya, dapatan ini menggambarkan bahawa responden memiliki asas moral dalaman yang kukuh, di mana emosi rasa bersalah berperanan sebagai mekanisme kawalan sendiri dalam mengekang kecenderungan terhadap tingkah laku rasuah.

Tahap rasa bersalah yang tinggi dalam kalangan responden menyokong pandangan June Price Tangney et al. (2007) yang menyatakan bahawa rasa bersalah berfungsi sebagai “*moral barometer*” yang mendorong individu untuk menilai dan mengawal tingkah laku mereka selaras dengan norma etika. Dalam konteks ini, penjawat awam yang mempunyai tahap rasa bersalah yang tinggi cenderung untuk mengelakkan perlakuan rasuah kerana wujudnya konflik dalaman antara tindakan tidak beretika dan prinsip moral yang dipegang.

Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Cohen et al. (2012) yang mendapati bahawa individu dengan tahap rasa bersalah yang tinggi menunjukkan kecenderungan yang lebih rendah untuk terlibat dalam salah laku organisasi seperti penipuan dan penyalahgunaan kuasa. Hal ini menunjukkan bahawa rasa bersalah bukan sahaja berfungsi sebagai reaksi emosi, tetapi juga sebagai faktor pencegahan awal terhadap perlakuan tidak berintegriti. Oleh itu, dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa pengukuhan nilai dalaman adalah sama penting dengan penguatkuasaan luaran dalam usaha membanteras rasuah.

Selain itu, dapatan ini turut menyokong perspektif teori perkembangan moral oleh Lawrence Kohlberg (1984), di mana individu yang berada pada tahap moral yang lebih tinggi akan membuat keputusan berdasarkan prinsip etika sejagat, dan bukan sekadar takut kepada hukuman. Ini menunjukkan bahawa penjawat awam dalam kajian ini berkemungkinan telah mencapai tahap internalisasi nilai moral yang tinggi, sekali gus mengurangkan kecenderungan terhadap rasuah.

Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak sepenuhnya selari dengan beberapa kajian lepas yang menegaskan bahawa faktor emosi sahaja tidak mencukupi untuk mencegah rasuah. Sebagai contoh, kajian oleh Ashforth dan Anand (2003) menunjukkan bahawa dalam organisasi yang menormalisasikan rasuah, individu mungkin menjadi desensitif terhadap rasa bersalah, seterusnya melemahkan fungsi kawalan dalaman tersebut. Ini bermakna, walaupun tahap rasa bersalah adalah tinggi, pengaruh budaya organisasi yang tidak berintegriti masih berpotensi mengatasi kawalan sendiri individu. Selain itu, apabila seseorang sering berpura-pura atau hipokrit, emosi moral mereka (rasa bersalah) akan menjadi lemah, dan ini boleh meningkatkan kecenderungan untuk melakukan rasuah (Abraham, et.al., 2022).

Tambahan pula, Rose-Ackerman dan Palifka (2016) berpendapat bahawa rasuah lebih banyak dipengaruhi oleh peluang dan struktur sistem berbanding faktor psikologi semata-mata. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun responden mempunyai tahap rasa bersalah yang tinggi, kewujudan peluang, tekanan, atau ganjaran dalam sistem boleh mendorong individu untuk tetap terlibat dalam rasuah. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya menyokong sebahagian daripada literatur yang menekankan peranan emosi moral, tetapi tidak menafikan kepentingan faktor struktural.

Menariknya, tahap kesedaran pencegahan rasuah yang hanya berada pada tahap memuaskan ( $Min=3.44$ ) berbanding tahap rasa bersalah yang sangat tinggi menunjukkan kemungkinan wujudnya jurang antara emosi moral dan pemahaman praktikal tentang pencegahan rasuah. Situasi ini selari dengan dapatan kajian oleh Rest (1986) yang menegaskan bahawa tingkah laku moral melibatkan beberapa komponen, termasuk kesedaran moral, pertimbangan moral, dan tindakan moral. Ini menunjukkan bahawa walaupun individu mempunyai rasa bersalah yang tinggi, ia tidak semestinya diterjemahkan sepenuhnya kepada tindakan pencegahan rasuah yang efektif tanpa pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyokong literatur yang menegaskan peranan penting rasa bersalah sebagai mekanisme kawalan dalaman dalam mencegah rasuah, namun pada masa yang sama menunjukkan bahawa faktor ini perlu dilengkapi dengan elemen lain seperti pendidikan etika, sistem organisasi yang telus, dan penguatkuasaan yang berkesan. Dalam konteks Malaysia MADANI, dapatan ini memberi implikasi bahawa usaha pembanteras rasuah perlu memberi penekanan kepada pembinaan nilai dalaman seperti guilt di samping memperkukuh sistem tadbir urus bagi memastikan keberkesanan yang lebih menyeluruh.

#### ***Pengaruh Rasa Bersalah dan Sifat Asertif Terhadap Pencegahan Rasuah***

Bagi menjawab objektif kedua kajian, Analisis Regresi Linear Berganda diaplikasikan untuk menguji sejauh mana rasa bersalah dan sifat asertif berfungsi sebagai pemboleh ubah peramal (pengaruh) terhadap pencegahan rasuah. Jadual 3 memperincikan hasil keputusan analisis regresi tersebut.

**Jadual 3 Keputusan Analisis Regresi bagi Faktor Psikologi Terhadap Pencegahan Rasuah ( $N = 196$ )**

Pemboleh ubah Peramal	$B$	$SE$	$\beta$	$t$	$p$
Pemalar ( <i>Constant</i> )	2.631	0.230		11.443	< .001
Rasa Bersalah	0.120	0.042	0.283	2.84	.005

Nota.  $R^2 = .080$ ,  $F(1, 194) = 8.04$ ,  $p < .001$

Analisis regresi linear mudah telah dijalankan bagi menilai pengaruh rasa bersalah terhadap pencegahan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Keputusan analisis menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan,  $F(1, 194) = 8.04$ ,  $p < .001$ , dengan nilai  $R^2 = .080$ . Ini menunjukkan bahawa sebanyak 8% varians dalam pencegahan rasuah dapat dijelaskan oleh rasa bersalah.

Secara khusus, dapatan menunjukkan bahawa rasa bersalah merupakan peramal signifikan terhadap pencegahan rasuah,  $\beta = .283$ ,  $t(194) = 2.84$ ,  $p = .005$ . Nilai pekali tidak piawai ( $B = 0.120$ ) menunjukkan bahawa peningkatan satu unit dalam rasa bersalah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 0.120 unit dalam skor pencegahan rasuah. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap rasa bersalah individu, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk mengamalkan tingkah laku pencegahan rasuah.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rasa bersalah memainkan peranan penting sebagai faktor

psikologi dalam mempengaruhi tingkah laku pencegahan rasuah. Keputusan ini selari dengan perspektif emosi moral yang menegaskan bahawa rasa bersalah berfungsi sebagai mekanisme kawalan sendiri yang mendorong individu untuk mengelakkan tingkah laku tidak beretika dan seterusnya mempromosikan tingkah laku prososial.

Dapatan ini menyokong kajian oleh Tangney et al. (2007) yang mendapati bahawa rasa bersalah berkait rapat dengan kecenderungan individu untuk bertanggungjawab terhadap kesalahan serta mengelakkan perlakuan yang melanggar norma sosial. Dalam konteks ini, penjawat awam yang mempunyai tahap rasa bersalah yang tinggi lebih cenderung untuk mengelakkan penglibatan dalam rasuah kerana wujudnya konflik dalaman dan penilaian moral terhadap tindakan tersebut. Selain itu, dapatan ini juga konsisten dengan kajian Treviño (1986) yang menekankan bahawa faktor individu seperti nilai moral dan emosi memainkan peranan penting dalam membuat keputusan etika di tempat kerja.

Namun demikian, dapatan ini juga menunjukkan bahawa sumbangan rasa bersalah terhadap pencegahan rasuah adalah relatif kecil ( $R^2 = .080$ ), yang menunjukkan bahawa terdapat faktor lain yang lebih dominan dalam mempengaruhi tingkah laku tersebut. Keputusan ini sejajar dengan kajian Kaptein (2011) yang menegaskan bahawa faktor organisasi seperti budaya etika, kepimpinan, dan sistem kawalan dalaman mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap tingkah laku etika berbanding faktor individu semata-mata.

Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dilihat sebagai tidak sepenuhnya menyokong beberapa kajian terdahulu yang mendapati bahawa emosi moral seperti rasa bersalah mempunyai kesan yang lebih besar terhadap tingkah laku etika. Sebagai contoh, kajian oleh Shaul Shalvi et al. (2015) menunjukkan bahawa individu dalam situasi tertentu masih boleh terlibat dalam tingkah laku tidak jujur walaupun mempunyai kesedaran moral, terutamanya apabila wujud rasionalisasi atau tekanan situasi. Ini menunjukkan bahawa rasa bersalah sahaja tidak mencukupi untuk menghalang perlakuan rasuah sekiranya faktor persekitaran dan peluang tidak dikawal.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa rasa bersalah merupakan faktor psikologi yang signifikan dalam pencegahan rasuah, namun kesannya adalah sederhana dan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas yang melibatkan faktor organisasi dan situasi. Oleh itu, usaha pencegahan rasuah tidak seharusnya hanya menumpukan kepada pembangunan nilai individu, tetapi juga perlu disokong dengan pengukuhan sistem integriti organisasi dan persekitaran kerja yang beretika.

## **IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rasa bersalah merupakan faktor psikologi signifikan yang mempengaruhi tingkah laku pencegahan rasuah. Oleh itu, program-program yang dapat memperkukuhkan lagi faktor psikologi seperti latihan integriti, refleksi sendiri, dan pembangunan kesedaran moral dalam kalangan penjawat awam perlu diperbanyakkan bagi memperkukuh mekanisme kawalan sendiri, meningkatkan kecenderungan individu untuk menolak perlakuan rasuah.

Walaupun rasa bersalah berperanan, pengaruhnya sederhana ( $R^2 = .080$ ). Ini menekankan bahawa sistem kawalan dalaman, budaya etika, dan mekanisme penguatkuasaan undang-undang masih kritikal. Integrasi pembangunan nilai individu dengan pengukuhan sistem organisasi akan memberikan kesan pencegahan rasuah yang lebih berkesan.

Dalam konteks Malaysia Madani, yang menekankan integriti, keadilan, dan kesejahteraan masyarakat, penguatan nilai moral seperti rasa bersalah di kalangan penjawat awam menyumbang kepada pembentukan budaya kerja beretika, bersih, dan amanah, sejajar dengan matlamat negara untuk membina masyarakat yang berdaya tahan dan berintegriti.

Pada masa akan datang, kajian yang menilai keberkesanan rasa bersalah dalam mempengaruhi tingkah laku pencegahan rasuah dalam jangka masa Panjang adalah digalakkan. Selain itu pendekatan kaedah campuran iaitu dengan menggabungkan soal selidik dan temubual mendalam dapat dilaksanakan bagi memberikan pemahaman yang lebih kaya mengenai motivasi moral di sebalik tingkah laku pencegahan rasuah

## KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa rasa bersalah merupakan faktor psikologi signifikan dalam mempengaruhi tingkah laku pencegahan rasuah di kalangan penjawat awam Malaysia, walaupun kesannya sederhana ( $R^2 = .080$ ). Penemuan ini menyokong teori emosi moral yang menekankan peranan rasa bersalah sebagai mekanisme kawalan sendiri dalam tingkah laku etika (Tangney et al., 2007).

Dalam konteks Malaysia Madani, pembangunan nilai moral dan etika dalam kalangan penjawat awam adalah penting bagi mewujudkan budaya kerja yang bersih, berintegriti, dan amanah. Namun, rasa bersalah sahaja tidak mencukupi; penguatan sistem organisasi, budaya etika, dan penguatkuasaan undang-undang juga perlu diselaraskan untuk mencapai pencegahan rasuah yang efektif. Kajian ini memberikan asas empirikal untuk strategi pencegahan rasuah bersepadu, yang menggabungkan pembangunan psikologi individu dengan penguatan sistem organisasi, sejajar dengan visi Malaysia Madani.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan dengan sokongan dari Geran Sepadan USIM, kod projek USIM/UMS/FKP/SEPADAN/K-72323, dan Geran Kerjasama UMS, kod projek GKP2302.

## RUJUKAN

- Abraham, J., Prayoga T., Murti, K., Azizah, A., Krishti, N.S., Fajrianti, S.P., Octaviana, BN., Ispurwanto, W., Manurung R.H. (2022). How Everyday Counterfeit Behavior That Disrupts Self Authenticity Might Lead to Corruption Tendencies. *Psychoogical Research Behavior Management*. 15:637-663. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S351941>
- Aidt, T. S. (2003). Economic analysis of corruption: A survey. *The Economic Journal*, 113(491), F632-F652. <https://doi.org/10.1046/j.0013-0133.2003.00171.x>
- Ashforth, B. E., & Anand, V. (2003). The normalization of corruption in organizations. *Research in Organizational Behavior*, 25, 1–52.
- Cohen, T. R., Panter, A. T., & Turan, N. (2012). Guilt proneness and moral character. *Current Directions in Psychological Science*, 21(5), 355–359
- Cohen, T. R., Wolf, S. T., Panter, A. T., & Insko, C. A. (2011). Introducing the GASP scale: A new measure of guilt and shame proneness. *Journal of Personality and Social Psychology*, 100(5), 947-966. doi: 10.1037/a002264
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16(3), 297–334.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Pearson.
- Jabatan Perdana Menteri. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan kerangka dasar makmur*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

- Kaptein, M. (2011). Understanding unethical behavior by unraveling ethical culture. *Human Relations*, 64(6), 843–869.  
<https://doi.org/10.1177/0018726710390536>
- Kohlberg, L. (1984). *Essays on moral development: The psychology of moral development*. San Francisco: Harper & Row.
- Mauro, P. (1995). Corruption and growth. *The Quarterly Journal of Economics*, 110(3), 681–712.  
<https://doi.org/10.2307/2946696>
- Noor, M. N. M., et al. (2018). Corruption and governance in Malaysia. *Journal of Public Administration*, 14(2), 45–60.
- Rose-Ackerman, S., & Palifka, B. J. (2016). *Corruption and government: Causes, consequences, and reform* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Shalvi, S., Gino, F., Barkan, R., & Ayal, S. (2015). Self-serving justifications: Doing wrong and feeling moral. *Current Directions in Psychological Science*, 24(2), 125–130.  
<https://doi.org/10.1177/0963721414553264>.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2013). *Using multivariate statistics* (6th ed.). Pearson.
- Tangney, J. P., Stuewig, J., & Mashek, D. J. (2007). Moral emotions and moral behavior. *Annual Review of Psychology*, 58, 345–372.  
<https://doi.org/10.1146/annurev.psych.56.091103.070145>
- Transparency International. (1995). *Corruption Perceptions Index 1995*.
- Transparency International. (2023). *Corruption perceptions index 2023*.  
<https://www.transparency.org/en/cpi/2023>
- Transparency International. (2025). *Corruption Perceptions Index 2025*. Retrieved from <https://www.transparency.org>
- Treviño, L. K. (1986). Ethical decision making in organizations: A person-situation interactionist model. *Academy of Management Review*, 11(3), 601–617.
- Zahari, N. M., Zainal, N. A., & Ishak, S. (2021). Internal ethical orientation as a deterrent to corruption in the Malaysian public sector. *Journal of Administrative Science*, 18(2), 1–20.